

Dasar aksesibiliti perkhidmatan dalam talian untuk OKU diteliti



Latifah Arifin - Mac 25, 2021 @ 6:34pm

latifah@bh.com.my



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan meneliti syor bagi menetapkan garis panduan dan dasar aksesibiliti dalam laman sesawang aplikasi kementerian, agensi serta penyedia perkhidmatan awam di negara ini untuk kemudahan orang kelainan upaya (OKU).

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun, berkata pihaknya menyambut baik cadangan itu bagi melindungi hak semua kategori OKU untuk akses kepada maklumat.

"Hak mereka tidak boleh dinafikan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022.

"Perkara ini juga menepati kehendak Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) dan seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan OKU terutama OKU penglihatan terhadap orang lain dalam urusan harian mereka," katanya dalam satu kenyataan, di sini, hari ini selepas mempergerusikan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bilangan 1 Tahun 2021.

Katanya, selaras dengan Teras Strategik 1 (b), Objektif 3, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) diarahkan untuk memperincikan cadangan berkenaan berpandukan Web Content Accessibility Guideline (WCAG).

"Majlis secara dasarnya bersetuju dengan cadangan ini kerana aksesibiliti maklumat melalui platform digital menepati kehendak trend perkembangan global pada masa kini terutamanya dalam keadaan negara menghadapi ancaman pandemik COVID-19," katanya.

Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam kenyataan sama memaklumkan tiga kertas makluman iaitu daptan daripada National Health & Morbidity Survey (NHMS) 2019, Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia dan Kajian Sistem Sokongan kepada Penjaga Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia turut dibentangkan dalam mesyuarat berkenaan.

"Majlis turut bersetuju, input dan syor daripada dapatan tinjauan dan kajian ini dijadikan panduan kepada semua agensi berkaitan untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada OKU," katanya.